

Ucapan: 17/08/2017

**Majlis Penyerahan Kunci Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) Aspen,
Taman Kuantan Jaya, Kuantan**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia

Yang Berhormat **Dato' Sri Muhammad Safian bin Ismail**
Setiausaha Kerajaan Pahang

Yang Berbahagia Datuk Haji Mohammad bin Mentek
Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Yang Berbahagia Datuk Seri Ahmad Zaki Ansore bin Mohd Yusof
Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)

Yang Berbahagia Datuk Mohd Zuki bin Ali
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Dato' Ahmad Husni bin Hussain
Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)

Yang Berusaha Encik Ismail bin Che Hassan
Ketua Unit PPA1M

Yang Dihormati Encik Nicholas Chang
Ketua Pegawai Eksekutif, Adenland (Kuantan) Sdn Bhd

Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Agensi Kerajaan

Rakan-rakan Media

Dato'-Dato', Tuan-tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Ucapan Aluan

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Penyerahan Kunci Projek PPA1M Aspen, Taman Kuantan Jaya, Kuantan, Pahang ini.

Perihal PPA1M

2. Kerajaan amat prihatin dan mengambil perhatian serius ke atas isu yang dihadapi oleh penjawat awam terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah sendiri. Justeru itu, Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, telah mewujudkan program perumahan khusus untuk penjawat awam iaitu Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) yang akan dibina di seluruh negara.
3. PPA1M adalah satu skim rumah mampu milik untuk penjawat awam yang bekerja dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Persekutuan dan Badan Berkanun Negeri serta *Government Link Companies (GLCs)*. Bagi mengurangkan risiko dan beban kewangan penjawat awam untuk memiliki rumah, **program PPA1M ini dilaksanakan dengan konsep pembayaran deposit sebanyak 10% semasa menandatangani Perjanjian Jual Beli manakala baki bayaran 90% hanya perlu dibayar setelah projek siap iaitu di peringkat *vacant possession*.**
4. Bagi penjawat awam yang berkelayakan, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) akan membiayai 100% bayaran tersebut tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sesungguhnya, Program PPA1M dirangka oleh Kerajaan dengan keperluan rakyat diutamakan. Elemen subsidi harga rumah merupakan komitmen

Kerajaan supaya kesejahteraan rakyat dari segi pemilikan rumah yang merupakan elemen *People Economy* atau Ekonomi Keperluan Rakyat, dapat dipenuhi.

Para hadirin sekalian,

5. Kerajaan telah menetapkan untuk membina **200,000 unit rumah** PPA1M menjelang tahun 2020. Di peringkat awal, program PPA1M ini telah dilancarkan di Wilayah Persekutuan Putrajaya.
6. Susulan itu, program PPA1M ini telah diperluaskan di seluruh negara. Sehingga kini, sebanyak **333 buah projek PPA1M melibatkan 126,105 unit** telah diluluskan oleh Kerajaan di seluruh negara yang mana projek-projek ini sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Di negeri Pahang sahaja, terdapat **4,629 unit PPA1M** yang telah diluluskan untuk pembangunan termasuklah di PPA1M Aspen, Taman Kuantan Jaya yang dibangunkan oleh Adenland (Kuantan) Sdn Bhd.

Ucapan Tahniah Kepada Pemaju

Para hadirin sekalian,

7. Untuk makluman semua, PPA1M Aspen, Taman Kuantan Jaya ini berjaya disiapkan enam bulan lebih awal daripada yang dijadualkan. Tahniah kepada pemaju, iaitu syarikat Adenland (Kuantan) Sdn Bhd yang telah terpilih seterusnya berjaya menyempurnakan projek ini.

Perihal PPA1M Aspen, Taman Kuantan Jaya

8. PPA1M Aspen, Taman Kuantan Jaya ini dibangunkan di atas tanah seluas 23 ekar dengan *business model* di mana 197 unit PPA1M dibina dengan bantuan subsidi daripada Kerajaan dan 86 unit rumah untuk pasaran terbuka. **Harga jualan rumah PPA1M ditawarkan 30% lebih rendah dari harga pasaran terbuka.** Ia merupakan harga

istimewa yang ditawarkan kepada penjawat awam sahaja setelah ditolak diskaun yang diberikan oleh pemaju dan juga ditolak subsidi daripada Kerajaan.

9. Untuk makluman para hadirin sekalian, rumah yang ditawarkan kepada penjawat awam ini adalah teres setingkat berkeluasan 1,180 dan 1,329 kaki persegi, teres dua tingkat berkeluasan 1,640 kaki persegi, dan villa berkeluasan 2,057 kaki persegi. Kesemua unit rumah ini ditampilkan dengan rekabentuk moden dan kemas rumah yang berkualiti.
10. Dari segi harga, unit-unit PPA1M dijual dalam lingkungan harga RM188,000 sehingga RM376,000 berbanding unit-unit pasaran terbuka dalam lingkungan harga RM260,000 sehingga RM475,000 bergantung kepada keluasan rumah. Ini bermakna, **jumlah subsidi secara purata adalah sebanyak RM55,000 seunit**. Mengambil kira elemen subsidi daripada Kerajaan, dan bagi memastikan jualan rumah adalah kepada mereka yang betul-betul ingin menduduki rumah yang dibeli, maka **moratorium dikenakan kepada pembeli rumah PPA1M selama 10 tahun**.
11. Keselesaan pemilik rumah PPA1M juga tidak dilupakan, projek ini turut menyediakan kemudahan-kemudahan seperti kawalan keselamatan, *central park* yang merangkumitaman permainan, gelanggang futsal, dan *outdoor gym*.
12. Dengan harga yang ditawarkan lebih rendah daripada harga pasaran dan jenis rumah *landed property* serta lokasi yang strategik, dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan ini, saya sifatkan kesemua pembeli yang berjaya memiliki rumah **PPA1M Aspen, Taman Kuantan Jaya** ini sebagai golongan yang sangat bertuah.
13. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua **Agensi Kerajaan** yang terlibat bagi menjayakan projek PPA1M ini. Saya telah dimaklumkan bahawa berdasarkan jumlah permohonan yang diterima, sambutan daripada penjawat awam sangat menggalakkan iaitu **lebih 4 kali ganda permohonan diterima berbanding jumlah unit yang ditawarkan**. Setelah melalui proses saringan dan undian, hanya 197 penjawat awam sahaja yang layak dan berjaya ditawarkan rumah PPA1M Aspen, Taman Kuantan

Jaya ini. Oleh itu, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua penjawat awam yang berjaya kerana dapat memiliki aset yang sangat bernilai.

14. Bagi mereka yang tidak berjaya, jangan berputus asa kerana anda mempunyai peluang untuk memiliki rumah PPA1M di lokasi-lokasi lain. Malah, Taman Kuantan Jaya Fasa 3 melibatkan sejumlah 558 unit PPA1M akan dibuka untuk permohonan tidak lama lagi.

15. Akhir kata, usaha Kerajaan di dalam menjamin kebajikan penjawat awam tidak akan terhenti di sini sahaja, malahan Kerajaan akan turut menyediakan lebih banyak rumah PPA1M di seluruh negara.

16. Dengan itu, saya mengharapkan sokongan daripada semua pihak bagi memastikan usaha murni ini akan membuahkan hasil yang terbaik kepada rakyat.

Penutup

17. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakan majlis ini.

18. Dan, dengan lafaz Bismillah hirrahman nirrahim, saya menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Projek PPA1M Aspen, Taman Kuantan Jaya, Kuantan, Pahang ini.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my/newsroom/content/speech/19109/Majlis-Penyerahan-Kunci-Projek-Perumahan-Penjawat-Awam-1Malaysia-PPA1M-Aspen-Taman-Kuantan-Jaya-Kuantan>